

20/10/2001

Pengagihan kekayaan, pembangunan saksama

USAHA memberi kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan dan pembangunan di kalangan rakyat, kawasan serta negeri menjadi strategi ketiga Belanjawan 2002, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, melalui strategi itu kerajaan akan menentukan agihan kekayaan menjadi saksama antara bandar dan luar bandar, penduduk berpendapatan rendah dengan berpendapatan tinggi serta antara negeri kurang maju dengan negeri lebih maju.

"Kita tidak nafi bahawa yang kaya menyumbang kepada pembangunan negara melalui perbelanjaan dan pelaburan mereka yang secara langsung atau tidak, mewujudkan peluang kerja manakala perbelanjaan mereka menyumbang kepada ekonomi.

"Tetapi jika daya beli golongan berpendapatan rendah ditingkatkan, mereka juga boleh membuat sumbangan yang sama kerana walaupun pendapatan mereka rendah tetapi bilangan mereka amat ramai dan jumlah perbelanjaan juga tentulah tinggi.

"Jika pendapatan mereka ditambah, maka jumlah perbelanjaan mereka boleh menyumbang secara berkesan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Oleh itu, usaha akan dibuat untuk meningkatkan pendapatan golongan yang berpendapatan rendah," katanya.

Justeru, Perdana Menteri berkata, sejumlah RM10 juta diperuntukkan untuk melaksanakan program latihan kemahiran di pusat latihan berkaitan bagi melatih pekerja dalam pelbagai kemahiran moden bertujuan menaikkan upah apabila kecekapan mereka bertambah.

Katanya, kontraktor kecil Kelas F juga termasuk dalam strategi ketiga itu, dengan pendapatan mereka ditingkatkan melalui tawaran lebih banyak projek kecil di kawasan luar bandar.

Kontraktor berminat juga, katanya, akan diberi latihan dalam pengurusan projek supaya menjadi lebih cekap dan kelas mereka dapat dinaikkan dengan cepat.

"Sistem pembayaran dan kemudahan pinjaman bagi yang mempunyai rekod yang baik akan diwujudkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, peluang perniagaan runcit di kampung dan bandar baru juga akan dikenal pasti melalui pihak yang berminat dan mempunyai sedikit modal, yang akan diberi latihan serta peluang penyertaan dalam perniagaan francais.

(END)